



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

SEKOLAH KEBANGSAAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 1



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Bahasa Melayu

SEKOLAH KEBANGSAAN

Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran

Tahun 1

Terbitan Terhad
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum

Mei 2015

Terbitan 2015

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya.

KANDUNGAN

Rukun Negara.....	v
Falsafah Pendidikan Kebangsaan.....	vi
Kata Pengantar.....	vii
Pendahuluan.....	1
Matlamat.....	2
Objektif.....	2
Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah.....	5
Fokus.....	6
Kemahiran Abad ke-21.....	7
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi.....	8
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran.....	9
Elemen Merentas Kurikulum.....	15
Pentaksiran.....	17
Organisasi Kandungan.....	23
Kemahiran Mendengar dan Bertutur.....	29
Kemahiran Membaca.....	31
Kemahiran Menulis.....	33
Aspek Seni Bahasa.....	36
Aspek Tatabahasa.....	37
Glosari.....	39



RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:
Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;
Memelihara satu cara hidup demokratik;
Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara
akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi
kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak;
Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains
dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara”

Sumber: Akta Pendidikan 1996 (Akta 550)

KATA PENGANTAR

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2011 telah disemak semula bagi memenuhi dasar baharu bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 supaya kualiti kurikulum yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa. Kurikulum berasaskan standard yang menjadi amalan antarabangsa telah dijemakan dalam KSSR menerusi penggubalan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) untuk semua mata pelajaran yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Pentaksiran.

Usaha memasukkan Standard Pentaksiran di dalam dokumen kurikulum telah mengubah landskap sejarah sejak Kurikulum Kebangsaan dilaksanakan di bawah Sistem Pendidikan Kebangsaan. Menerusinya, murid dapat ditaksir secara berterusan untuk mengenalpasti tahap penguasaannya dalam sesuatu mata pelajaran, serta membolehkan guru membuat tindakan susulan bagi mempertingkatkan pencapaian murid.

DSKP yang dihasilkan juga telah menyepadukan enam tunjang Kerangka KSSR, mengintegrasikan pengetahuan,

kemahiran dan nilai, serta memasukkan secara eksplisit Kemahiran Abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penyepaduan tersebut dilakukan untuk melahirkan insan seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sebagaimana tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Bagi menjayakan pelaksanaan KSSR, pengajaran dan pembelajaran guru perlu memberi penekanan kepada KBAT dengan memberi fokus kepada pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri dan Pembelajaran Berasaskan Projek supaya murid dapat menguasai kemahiran yang diperlukan dalam abad ke-21.

Kementerian Pendidikan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penggubalan KSSR. Semoga pelaksanaan KSSR akan mencapai hasrat dan matlamat Sistem Pendidikan Kebangsaan.

Dr. SARIAH BINTI ABD. JALIL
Pengarah
Bahagian Pembangunan Kurikulum

PENDAHULUAN

Dunia pendidikan yang sangat dinamik dalam arus globalisasi menuntut perubahan dalam kurikulum. Seiringan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil inisiatif menyemak dan melakukan penambahbaikan dalam kurikulum termasuklah Kurikulum Standard Bahasa Melayu yang turut melalui proses semakan dan penambahbaikan dalam penggubalannya. Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah yang mengandungi Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang didokumenkan sebagai Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Melayu. Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi ini merupakan pernyataan yang merangkumi pengetahuan, kemahiran dan nilai yang mesti dipelajari dan dikuasai oleh murid di sekolah rendah.

DSKP Bahasa Melayu Sekolah Rendah mengambil kira pendekatan pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Sekolah Kebangsaan dan di Sekolah Jenis Kebangsaan bagi menjunjung peranan bahasa Melayu sebagai

bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan negara, bahasa ilmu dan bahasa pengantar di sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu ini dijadikan pemangkin untuk memahami akal budi, pemikiran dan sosiobudaya penuturnya ke arah melahirkan semangat cinta akan bahasa dan tanah air yang dikongsi bersama dalam satu wawasan demi memartabatkan bahasa Melayu.

Pada asasnya, pembinaan kerangka standard ini berdasarkan prinsip Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dan mengetengahkan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran secara didik hibur serta pentaksiran secara holistik bagi mencungkil potensi murid dalam penerokaan pelbagai bidang ilmu pengetahuan dan seterusnya, membolehkan murid memperkembangkan dan menilai keupayaan serta penguasaan kemahiran bahasa mereka, serta mampu berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu secara berkesan dan bertatasusila dalam semua urusan.

MATLAMAT

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu pengetahuan, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

OBJEKTIF

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah berkeupayaan untuk:

1. Memberikan respons berdasarkan arahan, pesanan, dan pertanyaan dengan betul;
2. Bercerita, berbincang dan mengemukakan pendapat tentang sesuatu perkara daripada pelbagai sumber secara bertatasusila;
3. Membaca dengan sebutan dan intonasi yang betul, memahami, dan menaakul maklumat tersurat dan tersirat daripada pelbagai sumber untuk memberikan respons dengan betul;
4. Membaca pelbagai bahan bagi memperkaya kosa kata dan maklumat untuk memupuk minat membaca;
5. Mencatat, menulis, dan mengimlak untuk mengaplikasikan maklumat dengan menggunakan bahasa yang santun.
6. Menghasilkan pelbagai penulisan, mengedit, dan menulis ulasan.
7. Menghayati serta menghargai keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastera;
8. Menggunakan sistem bahasa yang betul dalam pertuturan, pembacaan, dan penulisan; dan
9. Menghargai dan mengamalkan nilai murni, bersikap positif, semangat patriotik, dan kewarganegaraan melalui aktiviti berbahasa.

Objektif Standard Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 1

Murid yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Standard Kurikulum Bahasa Melayu Tahun 1 mengetahui dan berkeupayaan untuk:


1. Mengajuk dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi pelbagai bunyi vokal, konsonan, diftong, vokal berganding, digraf, dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul;
2. Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap soalan, suruhan, dan pesanan dengan betul;
3. Bertutur secara bertatasusila dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai untuk menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif;
4. Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami perkataan, frasa, dan ayat;
5. Membaca, memahami dan menaakul bahan untuk mendapatkan kosa kata, idea tersurat, dan idea tersirat;
6. Membaca dan mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera;
7. Membaca, memahami, dan mempersembahkan karya sastera;
8. Menulis huruf, suku kata, perkataan, frasa, dan ayat secara mekanis dengan betul dan kemas;
9. Membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan bertumpu dan bercapah dengan betul;
10. Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara;
11. Menulis perkataan, frasa, dan ayat secara imlak;
12. Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara terkawal dengan betul;
13. Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca dengan betul;
14. Bercerita dan menuturkan cerita haiwan, cerita jenaka, dan simpulan bahasa menggunakan bahasa kiasan yang sesuai;
15. Melafazkan pantun nasihat dua kerat dan empat kerat dengan sebutan dan intonasi yang betul;
16. Menyanyikan lagu kanak-kanak dan lagu rakyat dengan irama yang betul;
17. Melagukan syair dengan sebutan dan intonasi yang betul;
18. Melakonkan dialog pendek dengan gerak laku yang sesuai.
19. Mencipta dan mempersembahkan pantun dua kerat dan empat kerat secara kreatif;

20. Memahami dan menjelaskan fungsi serta menggunakan kata nama am, kata nama khas, kata ganti nama, penjodoh bilangan, dan kata kerja mengikut konteks dengan betul;
21. Menggunakan kata adjektif, kata tugas, kata tanya, dan kata perintah mengikut konteks dengan betul;
22. Menggunakan kata berimbuhan awalan dan akhiran mengikut konteks dengan betul;
23. Menggunakan kata majmuk rangkai kata bebas mengikut konteks dengan betul;
24. Mengaplikasi kata ganda penuh mengikut konteks dengan betul; dan
25. Mengaplikasi jenis dan bentuk ayat mengikut konteks dengan betul.

KERANGKA KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dibina berasaskan enam tunjang, iaitu Komunikasi; Kerohanian, Sikap dan Nilai; Kemanusiaan; Keterampilan Diri; Perkembangan Fizikal dan Estetika; serta Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain

dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Kerangka Kurikulum Standard Sekolah Rendah

FOKUS

Pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah berfokus pada kemahiran literasi (konsep kembali kepada asas) dan aplikasi bahasa. Kemahiran asas literasi memberi penekanan kepada murid-murid Tahap I (Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3) untuk menguasai sepenuhnya asas kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis serta dilaksanakan sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (p&p) secara terancang.

Pada Tahap II (Tahun 4, Tahun 5 dan Tahun 6) pula, pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu memberi penekanan kepada pengukuhan literasi dan aplikasi kemahiran bahasa supaya mereka lebih berketrampilan berbahasa dalam bentuk lisan dan bertulis.

Melalui penguasaan kemahiran mendengar dan bertutur, murid dapat berkomunikasi dalam pelbagai situasi dengan lebih berkesan, manakala melalui kemahiran membaca, murid dapat

meningkatkan kosa kata, memperoleh dan memproses maklumat serta dapat memupuk minat membaca. Penguasaan kemahiran menulis pula, murid dapat mengaplikasikan maklumat dalam pelbagai bentuk penulisan bagi menyampaikan idea mereka.

Fokus juga diberikan dalam penguasaan tatabahasa yang baik bagi membantu murid berkomunikasi dengan menggunakan sistem bahasa yang betul dan menghasilkan penulisan yang berkualiti dan kreatif. Manakala dalam aspek Seni Bahasa pula, murid dapat mengapreasiasikan keindahan bahasa Melayu melalui pelbagai teknik kemahiran bahasa yang santai dan menyeronokkan.

Penekanan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan pelbagai bahan yang menarik secara didik hibur bagi semua kemahiran dan aspek ini dapat membantu murid menguasai dan menghayati pembelajaran bahasa dengan lebih berkesan.

KEMAHIRAN ABAD KE-21

Satu daripada hasrat KSSR adalah untuk melahirkan murid yang menguasai Kemahiran Abad ke-21 dengan memberi fokus kepada kemahiran berfikir serta kemahiran hidup dan kerjaya yang berteraskan amalan nilai murni. Kemahiran Abad ke-21 bermatlamat untuk melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang dinyatakan dalam profil murid seperti dalam Jadual 1 supaya berupaya bersaing pada peringkat global. Penguasaan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran dalam kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah menyumbang kepada pemerolehan Kemahiran Abad ke-21 dalam kalangan murid.

Profil Murid Berasaskan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Jadual 1: Profil Murid

PROFIL MURID	PENERANGAN
Berdaya Tahan	Mereka mampu menghadapi dan mengatasi kesukaran, mengatasi cabaran dengan kebijaksanaan, keyakinan, toleransi, dan empati.
Mahir Berkomunikasi	Mereka menyuarakan dan meluahkan fikiran, idea dan maklumat dengan yakin dan kreatif secara lisan dan bertulis,

PROFIL MURID	PENERANGAN
	menggunakan pelbagai media dan teknologi.
Pemikir	Mereka berfikir secara kritikal, kreatif dan inovatif; mampu untuk menangani masalah yang kompleks dan membuat keputusan yang beretika. Mereka berfikir tentang pembelajaran dan diri mereka sebagai pelajar. Mereka menjana soalan dan bersifat terbuka kepada perspektif, nilai dan tradisi individu dan masyarakat lain. Mereka berkeyakinan dan kreatif dalam menangani bidang pembelajaran yang baru.
Kerja Sepasukan	Mereka boleh bekerjasama secara berkesan dan harmoni dengan orang lain. Mereka mampu menggalas tanggungjawab bersama-sama serta menghormati dan menghargai sumbangan yang diberikan oleh setiap ahli pasukan. Mereka memperoleh kemahiran interpersonal melalui aktiviti kolaboratif, dan ini menjadikan mereka seorang pemimpin dan ahli pasukan yang lebih baik.
Bersifat Ingin Tahu	Mereka membangunkan rasa ingin tahu semula jadi untuk meneroka strategi dan idea baru. Mereka mempelajari kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan inkuiri dan penyelidikan, serta menunjukkan sifat

PROFIL MURID	PENERANGAN
	berdikari dalam pembelajaran. Mereka dapat menikmati pengalaman pembelajaran sepanjang hayat secara berterusan.
Berprinsip	Mereka berintegriti dan jujur, kesamarataan, adil dan menghormati maruah individu, kumpulan dan komuniti. Mereka bertanggungjawab atas tindakan, akibat tindakan serta keputusan mereka.
Bermaklumat	Mereka mendapatkan pengetahuan dan membentuk pemahaman yang luas dan seimbang merentasi pelbagai disiplin pengetahuan. Mereka meneroka pengetahuan dengan cekap dan berkesan dalam konteks isu tempatan dan global. Mereka memahami isu-isu etika / undang-undang berkaitan maklumat yang diperoleh.
Penyayang/ Prihatin	Mereka menunjukkan empati, belas kasihan dan rasa hormat terhadap keperluan dan perasaan orang lain. Mereka komited untuk berkhidmat kepada masyarakat dan memastikan kelestarian alam sekitar.
Patriotik	Mereka mempamerkan kasih sayang, sokongan dan rasa hormat terhadap negara.

KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dinyatakan dalam kurikulum secara eksplisit supaya guru dapat menterjemahkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Penerangan KBAT adalah berfokus kepada empat tahap pemikiran seperti Jadual 2.

Jadual 2: Tahap pemikiran dalam KBAT

Tahap Pemikiran	Penerangan
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Menggunakan pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam situasi berlainan untuk melaksanakan sesuatu perkara
Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> Mencerakinkan maklumat kepada bahagian kecil untuk memahami dengan lebih mendalam serta hubungan kait antara bahagian berkenaan
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> Membuat pertimbangan dan keputusan menggunakan pengetahuan, pengalaman, kemahiran, dan nilai serta memberi justifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> Menghasilkan idea atau produk atau kaedah yang kreatif dan inovatif

KBAT ialah keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu. KBAT merangkumi kemahiran berfikir kritis, kreatif dan menaakul dan strategi berfikir.

Kemahiran berfikir kritis adalah kebolehan untuk menilai sesuatu idea secara logik dan rasional untuk membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

Kemahiran berfikir kreatif adalah kemampuan untuk menghasilkan atau mencipta sesuatu yang baharu dan bernilai dengan menggunakan daya imaginasi secara asli serta berfikir tidak mengikut kelaziman.

Kemahiran menaakul adalah keupayaan individu membuat pertimbangan dan penilaian secara logik dan rasional.

Strategi berfikir merupakan cara berfikir yang berstruktur dan berfokus untuk menyelesaikan masalah.

KBAT boleh diaplikasikan dalam bilik darjah melalui aktiviti berbentuk menaakul, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah

dan projek. Guru dan murid perlu menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan peta minda serta penyoalan aras tinggi untuk menggalakkan murid berfikir.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam mencapai hasrat dan matlamat KSSR, strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu menggunakan pelbagai prinsip, teknik dan pendekatan untuk memenuhi konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5P

Antaranya strategi pengajaran dan pembelajaran 5P yang ditekankan adalah penggabungjalinan yang memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses ini, beberapa kemahiran dapat dikuasai serentak. Cara ini juga dapat mengelakkan kebosanan dalam proses pembelajaran. Kemahiran dapat digabungjalinkan, sama ada kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang terdapat dalam standard kandungan.

Selain itu, dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu juga, unsur ilmu, nilai murni dan kemahiran bernilai tambah boleh

diserapkan. Penyerapan ini mengandungi pelbagai ilmu dan disiplin daripada mata-mata pelajaran lain, nilai murni masyarakat Malaysia serta kemahiran berfikir, kemahiran menaakul dan kemahiran yang lain membolehkan murid menguasai kemahiran secara bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa.

Penilaian yang dijalankan secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran merupakan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. Melalui proses penilaian ini segala kelemahan dapat dikenal pasti dan jenis tindakan susulan dapat diambil terhadap seseorang murid sama ada berbentuk pemulihan atau pengayaan.

Bagi memastikan semua murid menguasai kemahiran bahasa, aktiviti pemulihan dalam pengajaran dan pembelajaran harus disediakan untuk membantu murid menguasai kemahiran bahasa yang belum dapat dikuasai dalam tempoh yang ditetapkan. Bahan yang disediakan digunakan secara berperingkat-peringkat daripada yang mudah kepada yang sukar. Pelaksanaan aktiviti ini adalah mengikut kemampuan murid untuk menguasai sesuatu kemahiran.

Aktiviti pengayaan dalam pengajaran dan pembelajaran pula disediakan untuk memantapkan kebolehan, keupayaan, bakat dan minat murid. Murid diberikan bahan yang berbeza untuk digunakan secara bersendirian atau dengan bimbingan guru. Bahan dan aktiviti diberikan kepada murid yang telah menguasai kemahiran dalam jangka masa yang ditetapkan atau lebih awal daripada jangka masa yang ditentukan.

Penyelesaian Masalah

Penyelesaian masalah ialah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan masalah berbentuk perkataan, masalah bukan mekanis, teka-teki, kuiz atau penggunaan kemahiran matematik dalam situasi sebenar. Murid perlu menggunakan kemahiran, prinsip dan teori yang telah mereka pelajari untuk menyelesaikan masalah yang diberikan. Kaedah ini menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif.

Pembelajaran Berasaskan Projek

Murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Kaedah ini melibatkan murid-murid mengkaji sesuatu isu, menyiasat dan mempersembahkan dapatannya. Hal ini juga dapat membantu guru menilai

perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Murid lebih bermotivasi kerana dapat menghasilkan sesuatu produk.

Pembelajaran Koperatif

Kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kumpulan yang membolehkan murid belajar bersama-sama, saling belajar dan membantu antara satu sama lain untuk menyelesaikan sesuatu tugas. Ahli kumpulan bekerja, berkongsi idea, bahan dan peralatan untuk mencapai matlamat sendiri dan kumpulan. Pembelajaran koperatif ini dapat menghasilkan satu tugas kumpulan, di samping mewujudkan interaksi antara murid, kerjasama dan semangat berpasukan yang kuat.

Pembelajaran Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai dapat mengembangkan potensi kecerdasan, minat dan kecenderungan murid kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza. Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal linguistik, logik matematik, muzik, kinestetik, visual ruang, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang

mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian individu, masyarakat dan alam pekerjaan. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baharu secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dalam kehidupan mereka.

Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang berkeupayaan untuk membina pemahaman dan pengetahuan baharu mereka sendiri berdasarkan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin dan seronok belajar sepanjang hayat mereka.

Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah dan berkeupayaan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa ini dan masa depan. Hal ini bermakna, murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat serta menangani perubahan supaya mereka mendapat manfaat yang maksimum.

Pembelajaran Akses Kendiri

Pembelajaran Akses Kendiri (PAK) ialah satu program yang membolehkan murid belajar secara sendiri melalui penggunaan bahan pembelajaran. Murid diberi peluang memilih aktiviti, menilai hasil kerja dan memantau kemajuan mereka sendiri agar mereka bertanggungjawab dan berdikari terhadap pembelajaran mereka.

Pembelajaran Luar Bilik Darjah

Aktiviti kurikulum yang dilaksanakan di luar bilik darjah secara terancang dan berstruktur serta berpusatkan murid. Kaedah ini dapat mengukuhkan pemahaman murid terhadap konsep yang dipelajari semasa di dalam bilik darjah, memberi pengalaman pembelajaran dalam situasi yang sebenar, mengembangkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran ini memastikan semua murid menguasai hasil pembelajaran dalam sesuatu unit sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang lain. Pembelajaran ini dipecahkan kepada unit yang lebih kecil untuk mudah dikuasai. Murid mesti menguasai 80% aras masteri sebelum berpindah ke unit pembelajaran yang baharu.

Pendekatan Modular

Pendekatan modular bermaksud memecahkan kemahiran kepada unit-unit kecil yang dikenali sebagai modul. Kemahiran bahasa distrukturkan dengan menggunakan pendekatan modular untuk memastikan penguasaan kecekapan berbahasa yang baik. Tiga modul yang pertama berasaskan empat kemahiran iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Modul Seni Bahasa dan Modul Tatabahasa menyokong modul-modul kemahiran tersebut untuk mengukuhkan kecekapan berbahasa murid.

Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan

mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa.

Pendekatan Tematik

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu diajar berdasarkan tema. Ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan dan kosa kata bertambah serta dapat dikembangkan. Bagi tujuan ini, perancangan dan penentuan tema pengajaran meliputi pelbagai bidang ilmu, hal persendirian dan isu kemasyarakatan, menghargai warisan, mencungkil daya kreativiti dan inovasi dalam diri murid serta isu-isu semasa.

Cakupan tema yang ditekankan adalah seperti yang berikut:

1. Keluargaan

Tema keluargaan merangkumi hubungan sesuatu keluarga yang melibatkan keluarga asas dan keluarga kembangan. Tema ini diajarkan kepada murid sekolah rendah agar menghargai dan menghormati setiap ahli keluarga.

2. Kemasyarakatan

Tema ini merujuk tanggungjawab individu dan kumpulan dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian dan kepentingan hidup bersama. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar dapat melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia, hormat-menghormati, bekerjasama dan bertanggungjawab.

3. Kesihatan dan Kebersihan

Tema kesihatan dan kebersihan, merujuk kesempurnaan dari segi kesihatan fizikal, mental dan sosial. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid sekolah rendah agar mendapat pendedahan awal berkaitan penjagaan kebersihan dan kesihatan, dan amalan gaya hidup sihat.

4. Keselamatan

Tema keselamatan merujuk keupayaan murid melindungi diri daripada bahaya ketika berada dalam pelbagai persekitaran. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid supaya dapat memberi kesedaran agar mengutamakan keselamatan.

5. Perpaduan
Tema perpaduan merujuk kepentingan hubungan erat yang terbentuk hasil daripada toleransi dalam kalangan penduduk Malaysia. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid dalam usaha memupuk semangat perpaduan.
6. Kebudayaan, Kesenian dan Estetika
Tema kebudayaan, kesenian dan estetika merangkumi elemen-elemen budaya yang terdapat dalam masyarakat pelbagai kaum di Malaysia yang meliputi adat dan budaya. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar kehalusan seni budaya ini dapat dihayati oleh murid sebagai asas pembentukan jati diri warga Malaysia.
7. Jati diri, Patriotisme dan Kewarganegaraan
Tema jati diri, patriotisme dan kewarganegaraan merujuk kepada keupayaan murid menzahirkan keperibadian insan yang seimbang dari segi fizikal, mental, emosi dan rohani serta mempunyai semangat juang dan sanggup berkorban demi negara. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid untuk melahirkan masyarakat madani, yang mempunyai semangat kekitaan dan setia kepada negara.
8. Sains, Teknologi dan Inovasi
Tema sains, teknologi dan inovasi merujuk ilmu pengetahuan yang teratur atau sistematik yang boleh diuji, dibuktikan kebenarannya dan dapat menghasilkan sesuatu yang baharu. Tema ini sesuai diajarkan kepada murid agar dapat melahirkan insan yang berupaya menjana idea untuk menghasilkan sesuatu yang berinovasi.
9. Alam Sekitar dan Teknologi Hijau
Tema alam sekitar dan teknologi hijau merujuk keupayaan murid menjaga dan mengurus alam sekitar untuk kesejahteraan kehidupan manusia, haiwan serta tumbuhan bagi kelangsungan kehidupan generasi akan datang. Tema ini sesuai diajarkan agar murid cinta dan prihatin serta bertanggungjawab dalam menjaga alam sekitar dan teknologi hijau.
- 10, Pertanian dan Penternakan
Tema pertanian dan penternakan memberi murid pendedahan perihal asas-asas pertanian dan penternakan secara tradisional dan moden. Tema ini sesuai diajarkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang bioteknologi pertanian dan penternakan dalam kehidupan.

11. Ekonomi, Keusahawanan dan Pengurusan Kewangan

Tema ekonomi memberi murid pendedahan perihal bidang perniagaan dan keusahawanan dalam menjana pendapatan dan pengurusan perdagangan, manakala pengurusan kewangan pula menekankan tentang tanggungjawab dalam menguruskan kewangan dengan bijak. Tema ini dapat memupuk kesedaran tentang kepentingan bidang ekonomi, membudayakan sikap keusahawanan dan celik kewangan dalam kehidupan.

ELEMEN MERENTAS KURIKULUM

Elemen Merentas Kurikulum (EMK) ialah unsur nilai tambah yang diterapkan dalam proses p&p selain yang ditetapkan dalam standard kandungan. Elemen-elemen ini diterapkan bertujuan mengukuhkan kemahiran dan keterampilan modal insan yang dihasratkan serta dapat menangani cabaran semasa dan masa hadapan. Elemen-elemen di dalam EMK adalah seperti berikut:

1. Bahasa

- Penggunaan bahasa pengantar yang betul perlu dititikberatkan dalam semua mata pelajaran.

- Semasa p&p bagi setiap mata pelajaran, aspek sebutan, struktur ayat, tatabahasa, istilah dan laras bahasa perlu diberi penekanan bagi membantu murid menyusun idea dan berkomunikasi secara berkesan.

2. Kelestarian Alam Sekitar

- Kesedaran mencintai dan menyayangi alam sekitar dalam jiwa murid perlu dipupuk melalui p&p semua mata pelajaran.
- Pengetahuan dan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam membentuk etika murid untuk menghargai alam.

3. Nilai Murni

- Nilai murni diberi penekanan dalam semua mata pelajaran supaya murid sedar akan kepentingan dan mengamalkannya.
- Nilai murni merangkumi aspek kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang menjadi amalan dalam kehidupan harian.

4. Sains Dan Teknologi

- Menambahkan minat terhadap sains dan teknologi dapat meningkatkan literasi sains serta teknologi dalam kalangan murid.
- Penggunaan teknologi dalam pengajaran dapat membantu serta menyumbang kepada pembelajaran yang lebih cekap dan berkesan.
- Pengintegrasian Sains dan Teknologi dalam p&p merangkumi empat perkara iaitu:
 - Pengetahuan sains dan teknologi (fakta, prinsip, konsep yang berkaitan dengan sains dan teknologi);
 - Kemahiran saintifik (proses pemikiran dan kemahiran manipulatif tertentu);
 - Sikap saintifik (seperti ketepatan, kejujuran, keselamatan); dan
 - Penggunaan teknologi dalam aktiviti p&p.

5. Patriotisme

- Semangat patriotik dapat dipupuk melalui semua mata pelajaran, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat.

- Semangat patriotik dapat melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan berbangga sebagai rakyat Malaysia.

6. Kreativiti Dan Inovasi

- Kreativiti adalah kebolehan menggunakan imaginasi untuk mengumpul, mencerna dan menjana idea atau mencipta sesuatu yang baharu atau asli melalui ilham atau gabungan idea yang ada.
- Inovasi merupakan pengaplikasian kreativiti melalui ubah suaian, membaiki dan mempraktikkan idea.
- Kreativiti dan inovasi saling bergandingan dan perlu untuk memastikan pembangunan modal insan yang mampu menghadapi cabaran abad ke-21.
- Elemen kreativiti dan inovasi perlu diintegrasikan dalam p&p

7. Keusahawanan

- Penerapan elemen keusahawanan bertujuan membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid.
- Ciri keusahawanan boleh diterapkan dalam p&p melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti

rajin, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.

8. Teknologi Maklumat dan Komunikasi

- Penerapan elemen TMK dalam p&p memastikan murid dapat mengaplikasi dan mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas TMK yang dipelajari.
- Pengaplikasian TMK bukan sahaja mendorong murid menjadi kreatif malah menjadikan p&p lebih menarik dan menyeronokkan serta meningkatkan kualiti pembelajaran.
- TMK diintegrasikan mengikut kesesuaian topik yang hendak diajar dan sebagai pengupaya bagi meningkatkan lagi kefahaman murid terhadap kandungan mata pelajaran.

PENTAKSIRAN

Pentaksiran Sekolah

Pentaksiran Sekolah (PS) adalah komponen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran p&p. Pentaksiran sekolah

berperanan mengukuhkan pembelajaran murid dan meningkatkan pengajaran guru serta mampu memberi maklumat yang sah tentang apa yang telah dilaksanakan atau dicapai dalam satu-satu proses p&p. PS dilaksanakan oleh guru dan pihak sekolah sepenuhnya bermula daripada aspek perancangan, pembinaan item dan instrumen pentaksiran, pentadbiran, pemeriksaan atau penskoran, perekodan dan pelaporan. PS amat penting untuk menentukan keberkesanan guru dan pihak sekolah dalam usaha menghasilkan insan yang harmoni dan seimbang. PS merupakan aktiviti yang berterusan yang memerlukan komitmen yang tinggi serta hala tuju yang jelas daripada guru dan pihak sekolah untuk memperkembangkan potensi setiap murid ke tahap maksimum.

PS mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Holistik iaitu mampu memberi maklumat keseluruhan tentang pencapaian pengetahuan dan kemahiran serta pengamalan nilai murni.
2. Berterusan iaitu aktiviti pentaksiran berjalan seiring dengan p&p .
3. Fleksibel iaitu kaedah pentaksiran yang pelbagai mengikut kesesuaian dan kesediaan murid.
4. Merujuk standard prestasi yang dibina berdasarkan standard kurikulum.
5. PS boleh dilaksanakan secara;
 - Pentaksiran formatif yang dijalankan seiring dengan proses p&p.

- Pentaksiran sumatif yang dijalankan pada akhir unit pembelajaran, semester atau tahun.

Pentaksiran Rujukan Standard

Standard diperkenalkan iaitu menggunakan **Standard Prestasi** untuk melihat kemajuan dan pertumbuhan (*growth*) pembelajaran serta pencapaian prestasi seseorang murid. Pentaksiran rujukan standard merupakan proses mendapatkan maklumat tentang sejauh mana murid tahu, faham dan boleh buat atau telah menguasai apa yang dipelajari berdasarkan pernyataan standard prestasi yang ditetapkan mengikut tahap-tahap pencapaian seperti yang dihasratkan dalam dokumen kurikulum. Pentaksiran Rujukan Standard tidak membandingkan pencapaian seseorang murid dengan murid lain tetapi melaporkan prestasi murid dalam pembelajaran dengan menerangkan tentang kemajuan dan pertumbuhan murid dalam pembelajaran merujuk kepada pernyataan standard. Murid-murid dinilai secara adil dan saksama sebagai individu dalam masyarakat berdasarkan keupayaan, kebolehan, bakat, kemahiran dan potensi diri tanpa dibandingkan dengan individu lain. Pihak sekolah mampu mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif yang merangkumi segala aspek tentang diri seseorang murid itu bagi membolehkan pihak yang

bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, mengiktiraf dan memuliakan anak didik sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa mengikut keupayaan dan kebolehan masing-masing.

Standard Prestasi

Standard Prestasi ialah pernyataan tentang tahap perkembangan pembelajaran murid yang diukur berdasarkan standard dan menunjukkan tahap penguasaan murid dalam perkembangan atau kemajuan pembelajarannya. Perkembangan dalam standard itu terbahagi kepada dua iaitu perkembangan secara mendatar (konstruk) dan perkembangan menegak (Tahap Penguasaan). Pertumbuhan murid dijelaskan dengan satu atau lebih *qualifier* menggunakan perkataan atau rangkai kata yang betul menggambarkan standard dalam bentuk hasil pembelajaran. Standard Prestasi dibina sebagai panduan untuk guru menambah baik Pentaksiran Sekolah sejajar dengan pelaksanaan Pentaksiran Rujukan Standard.

Tahap Penguasaan

Tahap Penguasaan adalah untuk menunjukkan tanda aras tertentu yang disusun secara hieraki digunakan bagi tujuan

pelaporan individu berdasarkan kelompok standard. *Standard* ialah satu pernyataan tentang sesuatu domain merujuk kepada tanda aras tertentu dan bersifat generik bagi memberi gambaran holistik tentang individu.

Jadual 3: Kerangka Standard Prestasi

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Sangat Terhad
2	Terhad
3	Memuaskan
4	Baik
5	Sangat Baik
6	Cemerlang

Pernyataan Umum Tafsiran Tahap Penguasaan Kemahiran

Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan kemahiran-kemahiran bahasa secara keseluruhan merujuk Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Melayu KSSR.

Jadual 4: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Kemahiran Mendengar Dan Bertutur

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap kukuh.
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan mendengar, memahami dan memberikan respons; dan menyampaikan maklumat secara bertatasusila dalam pelbagai situasi

Tahap Penguasaan	Tafsiran
	pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Jadual 5: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap kukuh.

Tahap Penguasaan	Tafsiran
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan membaca, memahami pelbagai bahan bacaan dengan lancar, sebutan yang jelas dan intonasi yang betul; serta menaakul dan memindahkan maklumat pada tahap sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Jadual 6: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sangat terhad.
2	Murid mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul

Tahap Penguasaan	Tafsiran
	pada tahap terhad.
3	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap sesuai.
4	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap kukuh.
5	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap terperinci.
6	Murid berupaya mempamerkan kebolehan menulis dan mengedit untuk menyampaikan maklumat; serta menghasilkan penulisan kreatif dalam pelbagai genre dengan menggunakan sistem bahasa yang betul pada tahap

Tahap Penguasaan	Tafsiran
	sangat terperinci, konsisten dan menjadi model teladan.

Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Tahap penguasaan ini menandakan pencapaian murid berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Prestasi Bahasa Melayu KSSR dalam kemahiran bahasa bagi murid sekolah rendah.

Jadual 7: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Tahap Penguasaan	Tafsiran
1	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang sangat lemah, sangat terhad dan memerlukan banyak bimbingan, panduan dan latihan dalam kemahiran bahasa.
2	Murid mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang lemah, terhad dan memerlukan sedikit bimbingan, panduan, dan latihan dalam kemahiran bahasa.
3	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan

Tahap Penguasaan	Tafsiran
	berbahasa yang sederhana dan berupaya mengungkapkan idea serta menguasai kemahiran berfikir yang asas tanpa bimbingan dalam kemahiran bahasa.
4	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang baik, dapat mengaplikasikan pengetahuan bahasa dengan berkesan, berupaya mengungkapkan idea, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, dan mengamalkan pembelajaran sendiri secara minimum dalam kemahiran bahasa.
5	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang tinggi, berupaya mengungkapkan idea dengan jelas dan terperinci, berkomunikasi secara efektif, mengaplikasikan pengetahuan bahasa yang lebih kompleks, menguasai kemahiran berfikir yang kritis dan kreatif, serta mengamalkan pembelajaran secara sendiri dalam kemahiran bahasa.
6	Murid berupaya mempamerkan tahap pengetahuan bahasa dan kecekapan berbahasa yang cemerlang dan konsisten, berupaya mengungkapkan idea dengan

Tahap Penguasaan	Tafsiran
	jelas, terperinci dan tersusun, menguasai kemahiran berfikir yang kritis, kreatif dan inovatif, berkomunikasi secara efektif dan penuh keyakinan, mengamalkan pembelajaran secara sendiri serta menjadi model teladan kepada murid yang lain dalam kemahiran bahasa.

Semua guru Bahasa Melayu perlu melaksanakan proses p&p dalam bilik darjah dengan merujuk kepada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran. Kebijaksanaan guru perlu ada bagi menentukan proses p&p dilaksanakan secara berkesan dan bersesuaian. Dalam keadaan yang sama, guru perlu mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi dalam kelompok yang telah disusun. Guru seharusnya memberikan peluang kepada setiap muridnya mencapai tahap keupayaan yang lebih baik dengan melaksanakan proses bimbingan dan pengukuhan.

ORGANISASI KANDUNGAN

Standard Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah digubal dengan memberikan penekanan pada Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu diketahui dan boleh dilakukan oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran ini berpaksikan kemahiran bahasa dan sistem bahasa yang disokong oleh elemen Pengisian Kurikulum. Standard ini digubal dalam bentuk pernyataan Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid. Standard ini dipersembahkan dalam bentuk modular yang dibahagikan kepada bahagian dan unit yang mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran, nilai murni, kreativiti dan inovasi yang perlu dikuasai oleh murid.

Standard Kandungan

Pernyataan tentang bidang ilmu yang patut diketahui dan dapat dilakukan oleh murid dalam suatu tempoh persekolahan yang merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.

Standard Pembelajaran

Pernyataan tentang penetapan kriteria untuk memastikan kualiti pembelajaran dan pencapaian murid bagi setiap standard

kandungan.

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa merupakan teras kepada Standard Kurikulum Bahasa Melayu. Kemahiran bahasa ini diorganisasikan dalam lima modul kemahiran bahasa;

1. Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Modul Kemahiran Mendengar dan Bertutur memberi penekanan pada kemahiran mendengar dan bertutur. Kemahiran mendengar merujuk pada keupayaan murid mendengar dengan teliti, memahami dan menghayati secara lisan perkara yang didengar dalam pelbagai situasi pengucapan, serta dapat memberikan respons. Kemahiran bertutur pula merujuk keupayaan murid berkomunikasi untuk menjalin hubungan dan menyampaikan maklumat, pendapat, perasaan serta idea yang kreatif dan kritis dengan sebutan dan intonasi yang betul secara sopan dan bertatasusila. Penggunaan tatabahasa yang betul diberikan penekanan dalam kemahiran bertutur.

2. Modul Kemahiran Membaca

Modul Kemahiran Membaca memberikan tumpuan pada

kemahiran membaca. Kemahiran membaca merujuk keupayaan murid membaca dengan sebutan, intonasi, jeda, dan kelancaran yang betul. Penekanan perlu diberikan pada aspek pemahaman dan penaakulan pelbagai bahan secara kritis dengan menggunakan teknik-teknik membaca. Di samping itu, melalui modul kemahiran membaca murid juga berupaya menghayati teks yang dibaca.

3. Modul Kemahiran Menulis

Modul Kemahiran Menulis pula berfokuskan kemahiran menulis. Kemahiran menulis merujuk keupayaan murid menulis perkataan dan melahirkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi yang telah dilalui. Penekanan perlu diberikan pada penggunaan ayat yang gramatis, tanda baca dan ejaan yang betul, serta tulisan yang jelas dan kemas. Murid juga digalakkan menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan penulisan berunsur pengetahuan dan imaginasi. Penguasaan kemahiran bahasa ini diperoleh melalui situasi dan konteks dalam pelbagai bahan prosa, puisi dan grafik.

4. Modul Seni Bahasa

Modul Seni Bahasa merujuk aspek kebahasaan, keindahan dan kehalusan dalam bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Penguasaan aspek seni bahasa merangkumi kecekapan memahami, mengungkap dan menghayati bahasa yang indah. Melalui pembelajaran modul ini, murid menghasilkan dan mempersembahkan karya kreatif pelbagai genre secara lisan dan bertulis melalui variasi teknik yang menarik. Aspek seni bahasa juga menzahirkan pembelajaran yang menyeronokkan secara didik hibur.

6. Modul Tatabahasa

Modul Tatabahasa merujuk aspek morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini perlu diajarkan dan dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dengan teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam pelbagai konteks secara lisan dan bertulis.

Sistem Bahasa

Sistem bahasa terdiri daripada tatabahasa, sistem ejaan, sebutan dan intonasi, kosa kata dan peribahasa. Pelaksanaan sistem

bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu membolehkan murid menggunakan dan mengamalkan bahasa Melayu baku. Penerangan bagi perkara tersebut dinyatakan di bawah ini;

1. Tatabahasa

Kandungan tatabahasa terdiri daripada morfologi dan sintaksis;

i) Morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan golongan kata. Struktur kata ialah susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang (tulisan) yang menjadi unit bahasa yang bermakna. Bentuk kata pula ialah unit tatabahasa sama ada bentuk tunggal atau hasil daripada proses pengimbuhan, pemajmukan dan penggandaan. Golongan kata pula ialah proses menjeniskan perkataan berdasarkan keserupaan bentuk atau fungsi dengan anggota yang lain dalam golongan yang sama.

- Struktur kata merujuk pada pola suku kata bagi:
 - kata asli bahasa Melayu
 - kata pinjaman bahasa Melayu
- Bentuk kata terdiri daripada:
 - kata terbitan
 - kata ganda

– kata majmuk

- Proses pembentukan kata meliputi:

- pengimbuhan
- penggandaan
- pemajmukan

Antara ketiga-tiga proses pembentukan kata yang amat kompleks ialah pengimbuhan. Oleh itu, penekanan hendaklah diberikan pada aspek penggunaan imbuhan yang betul dari segi bentuk dan makna termasuk aspek baharu dalam proses pengimbuhan.

- Golongan kata terdiri daripada:

- kata nama
- kata kerja
- kata adjektif
- kata tugas

ii) Sintaksis ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji bentuk, struktur dan binaan ayat. Hal ini bermakna, bidang sintaksis ialah kajian tentang hukum atau rumus tatabahasa yang mendasari kaedah penggabungan dan penyusunan perkataan atau kelompok perkataan untuk

membentuk ayat. Aspek sintaksis yang diberikan tumpuan adalah seperti yang berikut:

- Unsur utama yang terdiri daripada kata, frasa, klausa dan aspek pembinaannya serta pembahagian subjek dan predikat.
- Jenis ayat iaitu ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan.
- Ragam ayat iaitu ayat aktif dan ayat pasif.
- Susunan ayat, iaitu susunan biasa dan songsang
- Binaan ayat;
 - ayat dasar
 - ayat tunggal
 - ayat terbitan atau ayat majmuk
- Proses ayat terbitan:
 - proses penggantian
 - proses pengguguran
 - proses peluasan

2. Sistem Ejaan

Tanda baca penting dikuasai dalam komunikasi tulisan untuk memastikan keselarasan dan juga makna yang tepat. Misalnya, koma dan tanda noktah mewakili hentian

dalam pertuturan. Penggunaan tanda baca yang betul dapat mewakili intonasi dalam bacaan dan penulisan.

Perkara yang diberikan penekanan ialah:

- i) Pola keselarasan huruf vokal
- ii) Ejaan kata pinjaman
- iii) Ejaan kata dasar dan kata terbitan

3. Sebutan dan Intonasi

Sebutan dan intonasi diajarkan supaya murid dapat menyebut perkataan dan ayat dengan betul serta memahami intonasi dan jeda. Kemahiran yang ditekankan ialah kebolehan mengenal pasti dan membezakan pelbagai aspek dalam sebutan dan intonasi supaya murid dapat menyampaikan maksud dengan tepat. Sebutan diajarkan supaya murid dapat menyebut sesuatu kata dengan betul. Sebutan bahasa Melayu yang diajarkan di sekolah hendaklah menggunakan sebutan bahasa Melayu baku.

Ayat bahasa Melayu yang betul hendaklah diajarkan mengikut pola yang berikut:

- i) ayat penyata
- ii) ayat tanya
- iii) ayat perintah

- iv) ayat seruan
- v) ayat songsang
- vi) ayat aktif
- vii) ayat pasif

4. Kosa kata

Kosa kata terdiri daripada kata umum dan istilah. Penguasaan kosa kata perlu ditingkatkan dan dikembangkan agar murid dapat mengungkap maklumat dan buah fikiran selaras dengan penambahan ilmu dalam mata pelajaran yang dipelajari pada peringkat sekolah rendah.

5. Peribahasa

Peribahasa merangkumi simpulan bahasa, perumpamaan, pepatah, bidalan, perbilangan dan kata-kata hikmat perlu diajarkan dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan peribahasa hendaklah mengutamakan falsafah, keperibadian, dan nilai murni masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

STANDARD KANDUNGAN, STANDARD PEMBELAJARAN DAN STANDARD PRESTASI

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
<p>Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.</p>	<p>Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.</p>	<p>Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid (<i>indicator of success</i>)</p>

1.0 STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
1.1 Mendengar dan memberikan respons	<p>Murid boleh:</p> <p>1.1.1 Mengajuk, dan menyebut perkataan, frasa dan ayat yang mengandungi pelbagai bunyi;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) vokal ii) konsonan iii) diftong iv) vokal berganding v) digraf vi) konsonan bergabung
	<p>1.1.2 Mendengar, memahami, dan memberikan respons terhadap;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) soalan ii) suruhan iii) pesanan
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat dan idea bagi pelbagai tujuan.	1.2.1 Bertutur dengan sebutan yang betul dan intonasi secara bertatasusila.
	1.2.2 Menyampaikan maklumat daripada bahan.

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap sangat terhad.
2	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap terhad.
3	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap sesuai.
4	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap kukuh.
5	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap terperinci.
6	Memberikan respons terhadap pelbagai soalan, suruhan, dan pesanan serta menyampaikan maklumat dan idea yang kritis dan kreatif secara bertatasusila pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

2.0 STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MEMBACA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
2.1 Asas membaca dan memahami	<p>Murid boleh:</p> <p>2.1.1 Membaca dengan sebutan yang betul;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) vokal ii) konsonan iii) suku kata iv) frasa v) perkataan vi) ayat
	<p>2.1.2 Membaca dengan sebutan yang betul, intonasi yang sesuai, dan memahami;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) perkataan dua suku kata dan tiga suku kata ii) frasa iii) ayat
2.2 Membaca, memahami, dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik	<p>2.2.1 Membaca, memahami, dan menaakul bahan untuk mendapatkan;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) kosa kata ii) idea tersurat iii) idea tersirat
2.3 Membaca dan mengapresiasi karya sastera dan bukan sastera	<p>2.3.1 Membaca dan mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bukan sastera;</p> <ul style="list-style-type: none"> i) cerita ii) pantun iii) lagu kanak-kanak
	<p>2.3.2 Membaca, memahami, dan mempersembahkan karya sastera.</p>

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MEMBACA	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap sangat terhad.
2	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap terhad.
3	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap sesuai.
4	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap kukuh.
5	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap terperinci.
6	Membaca, memahami, dan menaakul bahan, mengenal pasti kandungan teks bahan sastera dan bahan bukan sastera serta mempersembahkan karya sastera pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

3.0 STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENULIS

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.1 Asas menulis	Murid boleh: 3.1.1 Menulis secara mekanis; <ul style="list-style-type: none"> i) huruf ii) suku kata iii) perkataan iv) frasa v) ayat
3.2 Menulis perkataan, frasa, dan ayat yang bermakna	3.2.1 Membina dan menulis <ul style="list-style-type: none"> i) perkataan, ii) frasa iii) ayat
	3.2.2 Membina dan menulis jawapan pemahaman berdasarkan soalan; <ul style="list-style-type: none"> i) bertumpu ii) bercapah
	3.2.3 Mencatat maklumat tentang sesuatu perkara.
	3.2.4 Menulis secara imlak; <ul style="list-style-type: none"> i) perkataan ii) frasa iii) ayat

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
3.3 Menghasilkan penulisan	3.3.1 Menghasilkan penulisan naratif dan bukan naratif secara; i) terkawal
	3.3.2 Mengedit dan memurnikan hasil penulisan daripada aspek; i) ejaan ii) tanda baca

STANDARD PRESTASI KEMAHIRAN MENULIS	
TAHAP PENGUASAAN	PENYATAAN
1	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap sangat terhad.
2	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terhad.
3	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap sesuai.
4	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap kukuh.
5	Menulis secara mekanis, membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit serta memurnikan hasil penulisan daripada aspek ejaan dan tanda baca pada tahap terperinci.
6	Membina ayat, menulis jawapan pemahaman, mencatat maklumat, menulis secara imlak, mengedit dan memurnikan hasil penulisan pada tahap sangat terperinci, konsisten, dan menjadi model teladan.

4.0 STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK SENI BAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
4.1 Mengaplikasikan unsur keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.	Murid boleh: 4.1.1 Bercerita dan menuturkan dialog yang mengandungi gaya bahasa yang indah; i) Simpulan bahasa
4.2 Menghayati keindahan dan kesantunan bahasa dalam bahan sastra.	4.2.1 Melafazkan pantun dengan intonasi yang betul; i) pantun dua kerat ii) pantun empat kerat
	4.2.2 Menyanyikan dengan sebutan dan intonasi yang betul; i) lagu kanak-kanak ii) lagu rakyat
	4.2.3 Melagukan dengan sebutan dan intonasi yang betul ; i) Syair -irama Selendang Delima
4.3 Menghasilkan bahan sastra dengan menyerapkan keindahan dan kesantunan bahasa serta mempersembhkannya secara kreatif.	4.3.1 Mencipta secara terkawal dan mempersembahkan; i) pantun dua kerat ii) pantun empat kerat iii) syair –irama Selendang Delima
CATATAN: Dalam Aspek Seni Bahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Seni Bahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.	

5.0 STANDARD KANDUNGAN DAN STANDARD PEMBELAJARAN ASPEK TATABAHASA

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
5.1 Memahami fungsi dan menggunakan golongan kata mengikut konteks	Murid boleh: 5.1.1 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan golongan kata mengikut konteks; i) kata nama am ii) kata nama khas iii) kata ganti nama iv) penjodoh bilangan
	5.1.2 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata kerja mengikut konteks; i) kata kerja aktif transitif ii) kata kerja pasif
	5.1.3 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata adjektif mengikut konteks.
	5.1.4 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata tugas mengikut konteks; i) kata hubung gabungan ii) kata perintah iii) kata seru iv) kata sendi nama v) kata arah vi) kata tanya
5.2 Memahami dan menggunakan pembentukan kata mengikut konteks	5.2.1 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata terbitan mengikut konteks; i) kata berimbuhan awalan ii) kata berimbuhan akhiran

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
	5.2.2 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata majmuk mengikut konteks; i) kata majmuk rangkai kata bebas
	5.2.3 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan kata ganda mengikut konteks. i) kata ganda
5.3 Memahami dan membina ayat mengikut konteks.	5.3.1 Memahami dan mengenal pasti jenis ayat mengikut konteks; i) ayat penyata ii) ayat tanya dengan kata tanya iii) ayat perintah iv) ayat seruan
	5.3.2 Memahami, mengenal pasti dan menggunakan bentuk ayat mengikut konteks. i) ayat tunggal ii) ayat majmuk
<p>CATATAN:</p> <p>Dalam Aspek Tatabahasa, pentaksiran kemahiran Mendengar dan Bertutur, Kemahiran Membaca atau Kemahiran Menulis juga boleh dilaksanakan. Walau bagaimanapun, proses pengajaran dan pembelajaran Aspek Tatabahasa masih dilaksanakan dalam bentuk pendekatan modular.</p>	

GLOSARITAHAP SATU

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
apresiasi	pengiktirafan dan penghayatan nilai sesuatu karya sastera atau karya seni
ayat songsang	susunan ayat yang berlawanan daripada pola biasa yang mana predikat mendahului subjek. (<i>rujuk tatabahasa dewan muka surat 436 – 437</i>)
ayat penyata	ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal
ayat perintah	ayat yang diucapkan dengan tujuan memberi suruhan, larangan, ajakan atau menyampaikan permintaan
ayat seruan	ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan seperti terkejut, hairan, geram, seronok, sakit dan sebagainya
ayat tanya	ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal atau berita dan berdasarkan nada suara serta penggunaan perkataan tertentu
bacaan mekanis	bacaan kuat yang mementingkan sebutan huruf dan bunyi dengan betul, membaca menikut intonasi, nada dan tekanan yan betul. Bahan bacaan yang digunakan dalam bacaan mekanis terdiri daripada perkara yang mudah difahami dan tidak membebankan fikiran.

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
bahan grafik	bahan yang memuatkan maklumat atau paparan yang terdiri daripada lukisan, gambar rajah, simbol dan lain-lain untuk menyatakan atau menyampaikan idea
bahan sastera	hasil karya tulisan dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu
bahasa kiasan	perkataan atau ungkapan yang digunakan dalam makna yang berlainan daripada makna sebenar atau makna biasa perkataan itu.
banding beza	melihat persamaan dan perbezaan antara dua benda
beradab	berbudi bahasa, bersopan
bertatasusila	adat sopan santun dan budi pekerti yang baik
diftong	gabungan dua bunyi vokal yang disebut dalam satu suku kata akibat perubahan kedudukan lidah seperti <i>ai (landai)</i> , <i>au (autograf)</i> , dan <i>oi (kalo)</i>
digraf	dua huruf konsonan berturut-turut yang mewakili satu bunyi seperti <i>ng (ladang)</i> , <i>ny (nyanyi)</i> , <i>sy (syabas)</i> <i>kh (khabar)</i>
frasa	kumpulan kata yang membentuk unit-unit sintaksis sesuatu klausa

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
gerak laku	tingkah laku atau gerak geri, perbuatan atau kelakuan
gramatis	berasaskan atau mengikut prinsip-prinsip nahu atau tatabahasa
gurindam	bentuk puisi (terdiri daripada dua baris berisi dengan berbagai-bagai pengajaran)
idea	buah fikiran, gagasan
Imaginatif	tercipta daripada daya khayalan dan imaginasi atau daya kreatif berasaskan khayalan
intonasi	turun naik atau tinggi rendah nada suara
idea tersirat	Idea yang terkandung atau tersembunyi
idea tersurat	idea yang telah ditulis, tertulis, tercatat
karangan berpandu	karangan berpandu ialah satu penulisan karangan berdasarkan panduan guru atau murid bebas mengeluarkan idea dengan panduan atau batasan yang diberi

Perkataan	Maksud Dalam Konteks Dokumen Standard
karangan terkawal	karangan terkawal ialah segala isi dan bahasanya sedia terkawal oleh guru (<i>menurut Salleh Akib, 1975:135</i>) atau susunan dikawal ketat dan sedikit-sedikit dipimpin ke arah karangan bebas
kata adjektif sifatan / keadaan	perkataan yang memberi pengertian sifatan/keadaan sebagai unsur keternagan nama
kata ganda berentak	penggandaan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu dalam kata dasar itu, seluruh kata dasar digandakan dan bunyi-bunyi tertentu diulang atau diubah (vokal, pengulangan konsonan dan bebas)
kata ganda penuh	penggandaan keseluruhan kata dasar sama ada kata dasar itu mengandungi imbuhan ataupun tidak
kata ganda separa	penggandaan sebahagian kata dasar sahaja. Kata dasar boleh merupakan kata tunggal ataupun kata terbitan
kata kerja aktif transitif	kata kerja yang tidak memerlukan penyambut atau objek sesudahnya
kata kerja pasif	kata kerja hasil daripada proses transformasi atau perubahan ayat aktif menjadi ayat pasif
kata perintah	kata yang menyuruh

Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>

